

**MAJLIS PELANCARAN RASMI PUSAT PENGAJIAN INOVASI
PERNIAGAAN & TEKNOUSAHAWAN (PPIPT) DAN PUSAT
KOKURIKULUM SEMPENA KONVOKESYEN UniMAP KE-5**

Teks Ucapan
Y.Bhg. BRIG. JEN. DATO' PROF DR. KAMARUDIN HUSSIN
Naib Canselor
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
pada 29 Julai 2010

Bismillah Hirrahman Nirrahim

**Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam 1Malaysia.**

Terima kasih Tuan Pengerusi Majlis,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal ,Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan & Inovasi),

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Pegawai-Pegawai Utama Universiti,

Yang Berbahagia Dr. Hazry Desa, Dekan Pusat Kemahiran
Komunikasi dan Keusahawanan,

Dekan - Dekan Dan Ketua-Ketua Jabatan UniMAP

Rakan-rakan Media, Tuan-tuan dan puan-puan

Seterusnya para pelajar yang dikasihi sekalian.

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao.

Ladies and Gentlemen,

First of all, let us pray and be grateful to Allah SWT for His grace and inayah that we have the chance to gather here today for the launching of the School of Business Innovation and *Technopreneur (PPIPT)* and Center for Co-curriculum. May Allah SWT bless our beautiful event this morning.

I would like to bid congratulations to the organiser team, Center for Communication Skills and Entrepreneurship for successfully organizing this ceremony. Without good cooperation from all the staff this program couldn't be materialised.

Ladies and gentlemen,

I would like to quote Lawrence Lowell, the President of Harvard School of Business “Business is the oldest in art and the newest in profession.”

With the growing demands of business in a global scale, PPIPT will serve as a good platform to educate our youngster to be knowledgeable and skilful in the business field.

Hadirin Sekalian,

Penubuhan Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan serta Pusat Kokurikulum ini sememangnya merupakan satu langkah yang perlu dilaksanakan memandangkan UniMAP sedang berada dalam fasa untuk berkembang seiring dengan universiti-universiti baru yang lain.

Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan ini ditubuhkan apabila pihak Jabatan Pengajian Tinggi (JPT) telah menyarankan agar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) memainkan peranan yang lebih berkesan dalam usaha membentuk mahasiswa yang tidak bergantung kepada konsep makan gaii semata-mata. Ini kerana kadar pengangguran semakin meningkat akibat daripada kelembapan aktiviti ekonomi negara.

Dengan tertubuhnya pusat ini, saya percaya UniMAP telah membuka lembaran baru dengan menerima kemasukan pelajar bagi program jurusan perniagaan pada tahun 2009 lalu adalah tahun pertama UniMAP menawarkan program Perniagaan Antarabangsa dan Keusahawanan Kejuruteraan. Alhamdulillah kedua-dua program ini mendapat sambutan yang menggalakkan apabila seramai 169 orang pelajar sulung dari Pengajian pengajian Perniagaan Antarabangsa telah mendaftarkan diri manakala pengajian Keusahawanan Kejuruteraan adalah seramai 136 orang.

Sementara itu bagi kemasukan 2010/2011 baru-baru ini, kita telah menerima bilangan pelajar sebanyak 144 orang untuk Pengajian Perniagaan Antarabangsa dan 159 juga untuk pengajian Keusahawanan Kejuruteraan. Oleh yang demikian, diharapkan agar graduan yang lahir nanti dapat mencorak masa depan mereka yang lebih gemilang menjelang pembentukan negara maju 2020.

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

Sememangnya program keusahawanan di universiti amat penting kerana ia dapat meningkatkan kesedaran dan penghayatan budaya keusahawanan dalam kalangan siswazah IPT. Selain itu, ia juga dapat meningkatkan kerjasama IPT dengan agensi kerajaan, NGO dan swasta sama ada dalam dan luar negara. Bukan sahaja melibatkan siswazah, malah ia juga meningkatkan kompetensi para pensyarah dan staf sokongan dalam program keusahawanan.

Dengan wujudnya program sebegini, bilangan usahawan dalam kalangan siswazah juga akan meningkat. Apa yang penting di sini ialah mewujudkan program-program keusahawanan siswazah yang berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

Dua program akademik yang ditawarkan oleh pusat ini iaitu Keusahawanan Kejuruteraan dan Perniagaan Antarabangsa sememangnya telah menarik ramai pelajar termasuk pelajar antarabangsa seperti dari Yemen, China dan Indonesia. Ini membuktikan bahawa kursus yang ditawarkan oleh pusat ini sentiasa mendapat tempat dalam kalangan pelajar sama ada pelajar tempatan mahupun pelajar antarabangsa.

Bukan itu sahaja, kehadiran pelajar-pelajar antarabangsa ini secara tidak langsung membuktikan UniMAP telah maju selangkah lagi dalam mendokong aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi untuk mewujudkan persekitaran Antarabangsa di kampus. Melalui kemasukan pelajar antarabangsa ini juga, saya

amat berharap ia mampu menjadi suntikan semangat untuk mahasiswa/ mahasiswi tempatan bersaing di arena akademik dalam membuktikan kecemerlangan diri masing-masing.

Hadirin Sekalian,

Pusat Kokurikulum yang dahulunya bernaung di bawah Pusat Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan (PKKK), kini telah berjaya berdiri dengan sendirinya. Ini merupakan salah satu pencapaian yang baik kerana sudah tiba masanya Pusat Kokurikulum dijadikan sebagai sebuah pusat sehenti bagi pelajar yang ingin mendapatkan sebarang maklumat berkaitan dengan aktiviti kokurikulum.

Menurut Menteri Pengajian Tinggi Malaysia, Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Pusat Kokurikulum yang ada di setiap IPT perlu bergerak proaktif bagi menentukan sejauh mana persediaan yang dilakukan oleh mereka terutama dalam aspek keupayaan, sumber dan kapasiti. Keupayaan Pusat Kokurikulum juga perlu diperkasakan supaya menjadi pusat kecemerlangan bukan akademik yang menerapkan kemahiran insaniah.

Saya amat berbangga kerana Pusat Kokurikulum dari semasa ke semasa telah berjaya menambah beberapa kursus kokurikulum antaranya Equestrian, Angkat Berat dan St.John Ambulance. Di samping menawarkan kursus kokurikulum bina badan, futsal dan tenpin bowling bagi perancangan tahun 2010. Dengan penambahan yang dibuat ini diharapkan agar para pelajar sentiasa menanamkan semangat kesukuan dalam diri masing-masing.

Penglibatan yang berterusan perlu dilakukan oleh Pusat Kokurikulum supaya sentiasa mendapat input baru. Misalnya penglibatan Pusat Kokurikulum dalam mewakili negeri Perlis ke Jambori 1 Belia 1 Malaysia, sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan 2010 yang diadakan di Taman Wetland, Putrajaya. Ini merupakan penglibatan yang baik dan harus dilakukan secara berterusan supaya Pusat Kokurikulum UniMAP sentiasa aktif dan dikenali.

Hadirin Sekalian,

Adalah menjadi harapan saya agar Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan dan Pusat Kokurikulum ini dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik seperti mana jabatan lain dan menyertai segala program dan aktiviti yang dijalankan dari semasa ke semasa. Pusat-pusat ini juga digalakkan untuk memberikan sebarang maklum balas yang dapat meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelajar dan masyarakat luar.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan dan Pusat Kokurikulum atas penubuhan sebagai sebuah pusat. Saya yakin bahawa kedua-dua pusat ini dapat menyampaikan perkhidmatan yang terbaik demi menaikkan nama UniMAP.

**Menuai Padi Penuh Usaha,
Padi Dituai Buat Bekalan,
Ayuh Bersama Gembeling Usaha,
Memacu UniMAP Melakar Kejayaan.**

Dengan lafaz Bismillahi Rahmaani Rahim, saya dengan ini merasmikan Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan & Teknousahawan dan Pusat Kokurikulum UniMAP.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh